

## 1,086 penjawat awam bankrap, ramai dibelenggu hutang

PUTRAJAYA 1 Mac. - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong hari ini mendedahkan ramai penjawat awam di negara ini dibelenggu masalah keterhutangan yang serius yang mungkin membawa kepada kebankrapan. Beliau berkata, pada tahun 2009 sahaja, Jabatan Insolvensi Malaysia melaporkan seramai 1,086 penjawat awam diisytiharkan bankrap di mana 72.74 peratus daripadanya adalah lelaki. "Masalah ini perlu difahami oleh semua penjawat awam kerana belenggu masalah hutang boleh menjelaskan prestasi penjawat awam, dan sekiranya prestasi terjejas dengan teruk maka boleh diambil tindakan tatatertib," katanya ketika merasmikan Taklimat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Taklimat Kebankrapan dan Taklimat Bantuan Guaman kepada ahli Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia itu adalah Presiden Cuepacs Datuk Omar Osman. Justeru Vui Keong berkata, taklimat tersebut diadakan bagi memberi pendedahan kepada penjawat awam bagaimana untuk menangani isu-isu berkaitan dengan hutang dan kebankrapan. Beliau berkata, ia juga bagi memberi penerangan mengenai Akta Perlindungan Pemberi Maklumat yang telah diluluskan oleh Parlimen tahun lepas dan telah mula dikuatkuasakan pada 15 Disember tahun yang sama, serta taklimat mengenai Bantuan Guaman untuk penjawat awam. "Ahli-ahli Cuepacs yang berpendapatan kurang dari RM25,000 setahun boleh mendapat perkhidmatan guaman percuma daripada Jabatan Bantuan Guaman dalam kes-kes seperti petisyen perceraian, tuntutan nafkah, tuntutan harta sepencarian, hak penjagaan anak dan lain-lain masalah kekeluargaan. "Sekiranya pendapatan lebih RM25,000 tetapi tidak lebih RM30,000 mereka hanya akan dikenakan bayaran minimum," katanya. – Bernama

## Pengguna IWK hutang RM750 juta

JASIN 3 Mac -Pengguna di seluruh negara belum menjelaskan bil pembetungan berjumlah **RM750 juta** kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Datuk Abdul Kadir Mohd. Din berkata, daripada jumlah itu, RM450 juta merupakan bil pembetungan tertunggak daripada pengguna domestik dan selebihnya daripada pengguna komersil. "Bil pembetungan itu tertunggak sejak 1997," katanya kepada Bernama pada Program Khidmat Masyarakat IWK di Taman Debunga Wangi di Merlimau di sini hari ini. Dalam program yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam itu, 10 buah kenderaan dan jentera IWK terlibat mengosongkan tangki septik di kawasan rumah ibadat di Merlimau. Abdul Kadir berkata, setiap bulan, 80 peratus pengguna di seluruh negara menjelaskan bil pembetungan mereka dan baki yang tidak dibayar bertambah daripada bulan ke bulan. "Dalam situasi sekarang, kos operasi rawatan kumbahan melebihi jumlah pembayaran yang dibuat oleh pengguna," katanya. Bagi memudahkan pengguna membuat pembayaran, IWK sedang mengkaji pelbagai cara, antaranya pembayaran secara *online* dan pembayaran berkala menggunakan kad kredit. "Kita juga merancang beberapa program untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap pentingnya pembetungan, kita juga akan mengadakan satu kempen besar-besaran seluruh negara tidak lama lagi," katanya.

Abdul Kadir berkata selain kegagalan pengguna membayar bil, tarif pembetungan domestik yang tidak berubah dan tarif pembetungan komersil yang turun empat kali sejak 16 tahun lalu, menjadi punca kos operasi melebihi jumlah pendapatan IWK. – BERNAMA. "Sekiranya semua pengguna bayar bil pembetungan pun tidak boleh tampung kos operasi ini, maka kerajaan mengambil inisiatif menampung jumlah kos operasi ini untuk keperluan rakyat," katanya. Beliau kesal dengan sikap sesetengah rakyat yang berpendapat kerajaan menampung IWK kerana syarikat itu mengalami kerugian dalam bidang perniagaan.

Abdul Kadir berkata, IWK mampu menampung kos operasi itu malah akan dapat memberi keuntungan kepada kerajaan sekiranya kadar tarif pembetungan dinaikkan tetapi atas dasar keprihatinan kepada rakyat, kerajaan tidak mahu berbuat demikian. IWK kini mempunyai tenaga kerja berjumlah 2,700 orang yang melakukan penyelenggaraan 10,000 buah pusat kumbahan di seluruh negara. Sejak 2002, IWK telah membelanjakan lebih RM46 juta untuk menaik taraf pusat rawatan kumbahan di bawah kendalianya. Mohd. Ali pula berkata kerajaan sedang membina sebuah pusat rawatan kumbahan bernilai RM43 juta di Alor Gajah untuk meningkatkan keupayaan sistem pembetungan di negeri itu. "Pusat rawatan itu dijangka siap Jun ini. Melalui RMK-10 kerajaan akan membina pusat rawatan kumbahan di Balai Panjang dan di Batu Berendam," katanya. - BERNAMA



3 Mac 2011 (Khamis)

### Pos Malaysia kutip RM66 juta

Oleh WANDA IDRIS dan ILAH HAFIZ AZIZ pengarang@utusan.com.my



**HUSSIN ISMAIL (dua dari kiri) melihat kaunter pos bayaran saman semasa majlis perasmian kaunter tersebut di Ibu Pejabat Pos Daya bumi, semalam. Turut bersama Dr. Aseh Che Mat (dua dari kanan), Syed Faisal Albar dan Khalid Abu Bakar (kiri).**

KUALA LUMPUR 3 Mac – Pos Malaysia Bhd. (Pos Malaysia) mengutip sejumlah RM66 juta bayaran saman trafik di seluruh negara sejak Ogos tahun lalu.

Pengerusinya, Tan Sri Dr. Aseh Che Mat berkata, ia disumbang melalui tiga fasa yang merangkumi kerjasama antara Pos Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Jelasnya, fasa pertama melibatkan lima pejabat pos di Kuala Lumpur, Shah Alam, Putrajaya, Medan Tuanku dan Kelang Utara yang dibuka pada 1 Ogos lalu. "Seterusnya fasa kedua melibatkan 173 Pejabat Pos Besar di seluruh negara pada September dan fasa ketiganya di semua pejabat pos di seluruh negara pada Disember lalu. "Melalui jaringan cawangan yang kini berjumlah 703 di seluruh negara memberikan ruang yang cukup luas kepada orang ramai untuk menjelaskan pembayaran saman di kaunter-kaunter Pos Malaysia berdekatan," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian dan pelancaran bayaran saman trafik PDRM di Pos Malaysia di sini hari ini. Hadir sama Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Hussin Ismail; Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia, Datuk Syed Faizal Albar dan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Solah Mat Hassan. Aseh berkata, pembayaran saman trafik menerusi kaunter Pos Malaysia bukan sahaja memudahkan orang ramai malah membantu menampung beban yang ditanggung PDRM. Sehubungan itu, kata beliau, pihaknya akan mempertingkatkan perkhidmatan termasuk memperkenalkan kaedah pembayaran segera tanpa menunggu nombor giliran.

Sementara itu, Aseh berkata, pihaknya akan membuka ke semua pejabat pos sekitar Lembah Klang serta Pejabat Pos Besar di setiap negeri termasuk Kedah dan Kelantan pada Sabtu dan Ahad ini. Katanya, kesemua kaunter akan beroperasi seperti hari biasa bagi memudahkan orang ramai menjelaskan bayaran saman trafik sebelum tempoh pembayaran lanjutan berakhir pada 10 Mac ini. Bagaimanapun, di Terengganu, hanya Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu dan Pejabat Pos Pauh akan dibuka pada Sabtu ini berikutan hari cuti ganti sempena ulang tahun pertabalan Sultan Terengganu yang jatuh pada Jumaat. Menurutnya, selain menjelaskan bayaran saman trafik, Pos Malaysia turut menerima pembayaran dan transaksi lain termasuk pembayaran bil dan memperbaharui cukai jalan. Bagi setiap pembayaran saman trafik yang dijelaskan di kaunter Pos Malaysia, kata beliau, pihaknya menerima komisen sebanyak RM2.



3 Mac 2011 (Khamis)

## 269 peneroka terima wang ses RM3.367j

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD [utusanpahang@utusan.com.my](mailto:utusanpahang@utusan.com.my)

KUALA KRAU 3 Mac – Seramai 269 peneroka Felda Jengka 22 di sini gembira apabila bakal menerima bayaran wang ses iaitu Tabung Tanam Semula sebanyak RM3.367 juta yang diterima mereka Isnin ini. Rata-rata peneroka tanah rancangan itu ketika ditemui Utusan Malaysia terharu dengan usaha kerajaan yang menunaikan permintaan mereka tentang bayaran tersebut. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Rancangan (JKKR) Felda Jengka 22, Mat Rejab Saaban berkata, peneroka di sini terharu dengan bayaran tersebut yang telah lama mereka nantikan selama ini. Menurutnya, bayaran itu diberikan selepas wang ses yang merupakan potongan cukai yang dikutip oleh Risma bagi tujuan penebangan pokok getah untuk tujuan tanam semula yang berjumlah RM18,000. Katanya, peneroka terbabit bersetuju menukar tanaman asal daripada getah kepada kelapa sawit yang mula ditanam pada 2004 dan kini usia pokok sawit sudah menjangkau tujuh tahun. “Peneroka yang mananam sendiri di kebun memperolehi bayaran penuh tunai RM18,000, manakala yang melalui Felda kos itu digunakan untuk membayai tanaman semula sawit,” katanya di sini hari ini. Seorang peneroka, Mahadi Anang, 58, berkata, pembayaran wang itu melegakan hatinya bersama peneroka lain kerana ia boleh digunakan untuk tujuan tertentu. “Saya lega kerana wang itu dapat digunakan untuk membesarkan rumah dan menabung dalam Koperasi Permodalan Felda,” katanya.

Bagi rakannya, Mohd. Nor Jantan, 57, menyifatkan kerajaan dan Felda memahami perasaan dan keperluan rakyat yang memerlukan wang tunai bagi pelbagai tujuan keluarga. Katanya, walaupun wang itu dimasukkan ke dalam akaun peribadi Bayaran Kembali (BK) tetapi tidak menjadi masalah kerana proses pemotongan hutang hanya dilakukan pada 2015. Bagi Mohd. Sihat Rashid, 62, wang tersebut akan digunakan membeli komputer riba untuk kegunaan keluarga dan selebihnya disimpan untuk digunakan pada masa depan. Seorang peneroka, Ramli Tambi, 56, berharap masyarakat Felda di tanah rancangan itu bersyukur dengan usaha kerajaan menunaikan permintaan mereka walaupun membabitkan peruntukan jutaan ringgit. Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Hal Ehwal Peneroka Felda negeri, Datuk Tan Mohd. Aminuddin Ishak memuji kepemimpinan JKKR Felda Jengka 22 kerana menyampaikan masalah mereka terus kepada Felda. Katanya, langkah yang dilakukan golongan itu adalah tepat kerana tidak menyuarakan masalah tersebut kepada pihak luar khususnya pembangkang yang sengaja memainkan isu terbabit tanpa membantu mereka menyelesaiannya.

### Muka-muka baharu bakal terajui GLC

KUALA LUMPUR 4 Mac - Beberapa muka baharu dijangka bakal menerajui syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) dan badan pengawas selia untuk memperkasakan lagi prestasi entiti-entiti terbabit. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin mengakui bahawa akan ada berlaku perubahan penstrukturkan dalam GLC sambil menyifatkannya sebagai biasa yang dilakukan dari semasa ke semasa. "Mana-mana organisasi yang telah lama diterajui oleh orang yang sama akan diganti dengan muka baharu, seiring dengan harapan kerajaan bahawa mereka akan membawa perubahan. "Pelantikan baharu ini untuk memastikan perubahan dapat dilakukan dalam GLC ke arah prestasi yang lebih baik," katanya selepas merasmikan pelancaran Kuiz Pelaburan Permodalan Nasional Bhd. di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas spekulasi bakal berlakunya perubahan peneraju dalam GLC. Baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan pelantikan Datuk Tajuddin Atan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd. sebagai menggantikan Yusli Mohamad Yusoff yang kontaknya tidak dilanjutkan. Dipercayai beberapa peneraju dalam badan pengawas selia dan GLC bakal menamatkan kontrak pada tahun ini termasuk Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Zarina Anwar, Presiden dan Ketua Eksekutif Tenaga Nasional Bhd., Datuk Seri Che Khalib Mohd. Noh.

Ditanya sama ada peneraju sedia ada bakal ditempatkan ke entiti baru, Awang Adek berkata, sukar untuk diulas kerana pelantikan baharu dan pelantikan semula bergantung kepada kelulusan pemegang kepentingan terbesar. "Contohnya, kedudukan peneraju syarikat-syarikat GLC yang berada di bawah Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) akan ditentukan oleh Khazanah selaku pemiliknya dan barisan Lembaga Pengarah serta mendapat persetujuan Perdana Menteri," ujar beliau. Mengulas prestasi semasa GLC, Awang Adek berkata, setakat ini kedudukan GLC adalah sangat baik dalam aspek keuntungan tetapi pada masa sama ada juga yang kurang memberangsangkan. "Jadi, dalam isu aspek tempoh kontrak berakhir, seeloknya perubahan kepada muka baru dengan harapan dapat memacu GLC ke arah prestasi lebih baik," kata beliau lagi

### Penjawat awam perlu perbaiki diri

Oleh MUHAMMAD ZIKRI [utusanjohor@utusan.com.my](mailto:utusanjohor@utusan.com.my)

PONTIAN 6 Mac - Kakitangan awam di negeri ini perlu mempunyai keperibadian yang tinggi ketika menjalankan tugas sehari-hari bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam dalam mengurangkan jumlah aduan setiap tahun. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Abdul Ghaffar Abdullah berkata, sepanjang tahun lalu sebanyak 1,554 aduan diterima dari pelbagai agensi oleh pihak Biro Pengaduan Awam (BPA). Katanya, bagi tahun ini sebanyak 238 aduan diterima dengan 133 daripadanya melibatkan jabatan Persekutuan, 99 aduan berkaitan agensi dan jabatan negeri dan enam pertubuhan bukan kerajaan (NGO). "Daripada jumlah tersebut, 152 aduan atau 63.87 peratus berjaya diselesaikan, manakala bakinya sedang melalui proses siasatan selanjutnya," katanya dalam ucapan perasmian Program Mesra Bersama Rakyat peringkat daerah Pontian di sini, kelmarin.

Turut hadir Ketua Pengarah BPA, Datuk Dr. Tam Weng Wah; Pengarah BPA negeri, R. Marshall Theagarajah; Pegawai Daerah Pontian, Mohamed A. Karim dan ketua-ketua jabatan negeri dan Persekutuan. Tambah Abdul Ghaffar, antara aduan yang diterima berpunca daripada aspek teknikal yang boleh diatasi dengan mudah namun sesetengah pegawai didapati gagal untuk menyelesaikan masalah tersebut. "Bolehlah dirumuskan bahawa kebanyakannya datang daripada kelemahan diri sendiri, sekali gus mencerminkan bahawa penjawat-penjawat awam perlu berusaha untuk memperbaiki diri masing-masing," katanya lagi. Mengenai program tersebut, Abdul Ghaffar menyifatkannya sebagai memberi peluang kepada orang ramai untuk mengemukakan aduan terus kepada jabatan dan agensi tanpa perlu datang ke pejabat dan sejajar dengan perkembangan semasa. Kata beliau, persaingan di peringkat global menuntut penjawat awam memberikan perkhidmatan serta komitmen yang tinggi dalam tugas masing-masing bagi memenuhi kepuasan pelanggan dan meneruskan lagi usaha meningkatkan kualiti.



6 Mac 2011 (Ahad)

### Tentera Darat terima kereta perisai baru

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA [mohdasron.mustapha@utusan.com.my](mailto:mohdasron.mustapha@utusan.com.my)



**DEMONSTRASI** Gerak Khas cuba membebaskan tebusan yang ditawan dalam sebuah bas sewaktu pertunjukan sempena Hari Ulang Tahun Tentera Darat Ke-78 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam

KUALA LUMPUR 6 Mac – Tentera Darat akan menerima aset tempur terbarunya, kereta perisai (APC) AV8, secara berperingkat-peringkat mulai 1 Januari tahun depan. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ketika mengesahkan

perkara itu berkata, kemasukan AV8 dalam inventori Tentera Darat adalah bagi menggantikan kereta perisai Condor. "Kita telah menyerahkan surat penerimaan (LOA) kepada Deftech Sdn. Bhd. dan kereta perisai pertama akan mula diserahkan kepada kementerian mulai 1 Januari 2012. "Ia hasil memorandum perjanjian (MoA) yang dimeterai antara Deftech dengan syarikat pertahanan dari Turki, FNSS, baru-baru ini," katanya kepada pemberita. Terdahulu, Ahmad Zahid hadir menyaksikan perarakan kontinjen serta aset Tentera Darat sempena sambutan Hari Ulang Tahun Tentera Darat Ke-78 di Dataran Merdeka, di sini hari ini. Hadir sama timbalan beliau, Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Azizan Ariffin dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Zulkifeli Mohd. Zin. Kementerian Pertahanan sebelum ini mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju untuk membeli 257 kereta perisai AV8 buatan Deftech hasil pemindahan teknologi dari FNSS.

**Projek RM500j dimuktamad akhir tahun**

Oleh MOWARDIMA HMUD bisnes.utusan@gmail.com



Kejayaan kerajaan Korea Selatan mengubah kawasan pusat bandar Cheonggyecheon di Seoul, Korea Selatan termasuk kawasan sungai kepada sebuah kawasan rekreasi moden tarikan orang ramai dan pelancong, dijangka menawarkan wajah baru kepada Sungai Rasau yang menjadi sempadan selatan dan timur bandar i-City, di Shah Alam.

KUALA LUMPUR 6 Mac - I-Berhad yang kepentingannya turut dimiliki Permodalan Nasional Berhad (PNB), menjangka untuk memuktamadkan

rundingan usaha sama dengan sebuah firma Singapura bagi membina sebuah pusat membeli belah bernilai RM500 juta di Shah Alam pada akhir tahun ini. Ketua Pegawai Eksekutif I-Berhad, Datuk Eu Hong Chew memberitahu *Utusan Malaysia* ketika di Korea Selatan baru-baru ini, sekiranya semua berjalan lancar, pihaknya menjangkakan pusat berkenaan yang mempunyai keluasan sejuta kaki persegi dan terletak dalam projek bandar i-City, akan siap dalam masa tiga tahun lagi. Beliau, bagaimanapun enggan menamakan syarikat yang terbabit sambil turut membayangkan syarikat tempatan sebagai penyewa utama ruang kompleks itu. Hong Chew berkata, pihaknya memang mengharapkan dapat menyiapkan projek yang dikatakan mempunyai keluasan menyamai Kompleks Membeli Belah 1 Utama di Petaling Jaya, Selangor lebih cepat daripada tempoh berkenaan tetapi perkara itu tidak mungkin berlaku.

Beliau berkata, I-Berhad melihat pembinaan pusat membeli belah yang sebelum ini menyaksikan rundingannya tertangguh, sebagai tepat pada masanya untuk dilaksanakan berikutan terdapat permintaan tinggi daripada kawasan perumahan sekitar bandar i-City. Katanya, projek itu terletak di lokasi yang strategik untuk meraih faedah daripada kehadiran pusat komersial utama, hotel-hotel serta kewujudan bandar-bandar baharu sekitar kawasan di dalam lingkungan 10 kilometer dan mempunyai penduduk seramai 580,000 orang. Hong Chew juga menegaskan, di sebalik tanggapan salah orang ramai terhadap i-City bernilai RM2 bilion yang dimulakan pada tahun 2005, projek itu sebenarnya berkembang seperti mana yang dirancangkan meskipun usaha untuk memajukannya tidak lagi dilakukan mengikut fasa-fasa seperti cadangan awal. Malah, pada tahun ini, i-City akan membangunkan sebuah butik hotel yang mempunyai 200 bilik, pusat data baharu dan juga apartmen pintar setinggi 32 tingkat, kata beliau, yang enggan mengulas lanjut kerana pengumuman mengenainya akan dibuat tidak lama lagi.

Beliau tidak menolak untuk memperkenalkan apartmen pintar dengan meminjam ciri-ciri apartmen yang dilaksanakan oleh bandar raya lestari pertama di dunia, Songdo di Korea Selatan kerana langkah itu mampu untuk meningkatkan nilai pulangannya. Menurut Hong Chew, setakat ini, sejumlah 25 peratus daripada kawasan seluas 72 hektar dalam bandar i-City telah dibangunkan manakala bakinya akan dibangunkan dalam tempoh 10 tahun akan datang, berbanding pelan cadangan yang dibuat sebelumnya untuk dibangunkan hanya dalam tempoh 10 tahun. Beliau menjelaskan, tempoh lebih lama diambil untuk membangunkan i-City kerana berlakunya krisis-krisis kewangan yang memerlukan pelan pembangunannya dinilai semula supaya selepas dengan kemajuan dan permintaan semasa.

Katanya, I-Berhad bukan seperti mana syarikat -syarikat pemaju harta tanah lain kerana ia mengambil pendekatan yang berbeza dalam membangunkan i-City, sebuah projek besar yang memiliki infrastruktur bertaraf dunia termasuk gentian optik dan rangkaian yang tersedia untuk digunakan. I-City merupakan sebuah pembangunan komersial bersepadu berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diiktiraf sebagai pusat siber MSC Malaysia. Ia disahkan sebagai destinasi pelancongan di negara ini dan juga pusat antarabangsa yang menawarkan gaya hidup kosmopolitan. Beliau berkata, i-City, akan menjadi pusat penjana kepada pertumbuhan ekonomi, pengetahuan dan juga pelancongan yang akhirnya dikenali sebagai pusat rekreasi bersepadu yang berjaya dengan mengembangkan konsep-konsep yang ditawarkan oleh Taman Tema Everland Samsung, Digital Pavilion dan Lotte World di Korea Selatan.

Hong Chew berkata, lawatannya ke taman tema dan hiburan berkenaan serta Songdo bertujuan melihat bagaimana perkembangan dan kejayaan yang diraih di Korea Selatan boleh diterima pakai i-City. Contoh kata beliau, projek pemulihian kawasan pusat bandar Cheonggyecheon di Seoul yang mengubah kawasan dahulunya setinggan tepian sungai kepada tempat rekreasi moden tumpuan orang ramai dan pelancong, membuktikan usaha yang sama boleh dilakukan terhadap Sungai Rasau sepanjang 300 meter di sempadan selatan dan timur i-City. Malah, beliau berkata, projek percubaan telahpun dilaksanakan. Hong Chew menjelaskan, tumpuannya adalah menarik para pengunjung ke bandar berkenaan melalui komponen pelancongan yang sedang dijalankannya seperti 'bandar bercahaya pada waktu malam' dan juga tarikan terbaharu SnoWalk, seluas 50,000 kaki persegi yang menawarkan persekitaran ala artik dan bersalji. SnoWalk yang dilengkapi dengan ukiran ais bercahaya menggunakan diod pencetus cahaya (LED) dan lapangan permainan, mampu memuatkan 800 pengunjung pada satu-satu masa.



7 Mac 2011 (Isnin)

### Apa status PPR Taman Setia Indah?



Saudara Pengarang,

SAYA merupakan salah seorang penduduk di kawasan Taman Setia Indah, Johor Bahru dan sehingga kini masih tertanya-tanya tentang status Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan ini kerana ia sudah lebih tiga tahun siap. Apakah punca sebenar kelewatian ini? Adakah ia berpunca daripada kesilapan pemaju atau kesilapan daripada pihak kerajaan negeri sendiri sehingga menyebabkan golongan sasar yang

sewajarnya menduduki rumah tersebut masih belum boleh menikmati kemudahan itu?. Pada pendapat saya, sekiranya projek berkenaan sudah siap, lebih baik ia diserahkan kepada golongan sasar yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku. Sekiranya projek berkenaan dibiarkan terlalu lama, mungkin akan mengundang musibah seperti masalah anjing liar dan pada masa sama berkemungkinan akan wujud kes kecurian di dalam kawasan itu. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan segera bagi membuktikan kepekaan kerajaan terhadap masyarakat di negeri ini.

PENDUDUK BINGUNG, Taman Setia Indah, JB

**Kementerian belanja RM213j jayakan NKRA**

BACHOK 7 Mac - Kementerian Pelajaran akan membelanjakan sebanyak RM213 juta bagi menjayakan pelbagai aktiviti dan program tahun ini untuk mencapai penarafan terbaik dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Dr. Rosli Mohamed berkata, empat bidang teras akan diberi tumpuan utama termasuk membangunkan sekolah berprestasi tinggi (SBT). Beliau berkata, ia bertujuan mengekalkan tahap profesionalisme perguruan bertaraf dunia dengan pendidikan global, selain mewujudkan lebih ramai pelajar mahir dalam matematik dan pengiraan ketika memasuki tahun tiga. "Kementerian akan memperluaskan skop skim ganjaran dan hadiah insentif kepada kesemua guru yang inovasi serta mampu menunjukkan prestasi cemerlang. "Kita akan memberi keutamaan dalam aspek ini sebagai perangsang dan motivasi kepada guru untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyerahan projek pembinaan baru Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Golok, dekat sini hari ini. Sekolah bernilai lebih RM17 juta itu akan memberi kemudahan pendidikan kepada 286 pelajar tingkatan satu dua dan empat, terdiri daripada anak-anak penduduk kampung sekitarnya. Antaranya, Kampung Kubang Golok, Kemasin, Perupuk, Tawang, Pantai Damak, Kampung Balai dan Kampung Sungai Hilir. Seramai 18 tenaga guru bersama lapan kakitangan sokonganmula bertugas di sekolah itu pada awal bulan ini. Rosli berkata, pembinaan sekolah itu menunjukkan Kerajaan Pusat tidak bersikap diskriminasi terhadap pendidikan rakyat Kelantan. Beliau berkata, pembangunan pendidikan dan prasarana yang diperlukan pelajar disedia secara seimbang sebagaimana di negeri lain. Katanya, bagi memastikan projek-projek pembinaan sekolah baru di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) berjalan lancar, satu skim penarafan di kalangan kontraktor akan diperkenalkan dalam tempoh terdekat.

**Kuarters buruk tunggu rebah**

Oleh RASMI ABDULLAH [kota@utusan.com.my](mailto:kota@utusan.com.my)



**SALAH satu daripada kuarters kerajaan yang sudah using dan terbiar di Meru, Klang. - UTUSAN/Rasmi Abdullah**

KLANG 7 Mac - Sakit mata memandang. Itu yang boleh dikatakan apabila melihat deretan kuarters kerajaan yang sudah usang di Jalan Meru Tambahan di sini dan terbiar sejak sekian lama. Kuarters yang terletak berhadapan Sekolah Kebangsaan Sungai Binjai, Meru itu hanya menunggu masa untuk rebah menyembah bumi dan tidak sewajarnya wujud di situ lagi. Setiausaha Kejiran dan Keselamatan Kariah Batu 7 Meru, Syed Hassan Kuthoos Syed Ahmad Kabeer berkata, penduduk sekitar khuatir berlaku kegiatan tidak bermoral seperti penagihan dadah dan maksiat di kuarters itu.

Menurutnya, tidak mungkin penduduk dapat memantau keadaan di kawasan itu sepanjang masa bagi memastikan ia tidak diceroboh dan disalah guna. Katanya, dia sendiri pernah melihat sekumpulan remaja memasuki kawasan kuarters itu pada awal pagi tanpa diketahui tujuan mereka. "Saya tidak berani hendak menegur perbuatan remaja tersebut, apakah lagi meninjau apa yang mereka lakukan kerana bimbang berlaku kejadian tidak diingini," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini. Beliau mendakwa, kuarters itu sudah terbiar lebih 10 tahun tanpa ada sebarang tanda premis itu akan dirobohkan dan kawasan itu akan dibersihkan atau dimajukan semula. Katanya, tindakan pihak berwajib membiarkan sahaja kuarters itu bukan sahaja menyakitkan mata malah mengundang risiko jenayah kerana ia berhampiran dengan bangunan sekolah. "Penduduk cadangkan agar kuarters lama itu dirobohkan dan tapaknya dibersihkan bagi kegunaan ibu bapa meletakkan kenderaan ketika menghantar dan mengambil anak-anak dari sekolah berdekatan," katanya.

Tambahnya, langkah itu juga dapat mengurangkan kesesakan lalu-lintas kerana sebelum ini ibu bapa terpaksa meletakkan kenderaan di bahu jalan ketika mengambil anak-anak mereka. Seorang pekerja swasta, Nor Faridah Mustapha, 30, berkata, kuarters terbiar itu boleh mengundang risiko penyakit berjangkit dan menjadi sarang binatang berbisa kerana keadaannya yang terurus. "Sekeliling kuarters itu kini dipenuhi semak-samun hingga boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai yang lalu-lalang di situ," katanya. Bakarudin Salleh, 45, turut bersetuju agar kuarters lama itu dirobohkan bagi memberikan laluan kepada pembangunan lain yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk setempat. "Lebih elok jika kawasan itu dibangunkan daripada ruang yang begitu luas dibazirkan begitu sahaja, tambahan pula lokasinya amat strategik kerana terletak di tepi jalan. "Kalau dapat dijalankan pembangunan di tapak kuarters itu khususnya pembangunan komersial, sekurang-kurangnya ia dapat menyumbang kepada kegiatan ekonomi penduduk setempat," katanya.



8 Mac 2011 (Selasa)

## Dua kementerian lahir modal insan inovasi

KUALA LUMPUR 8 Mac - Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi akan menjalin kerjasama bagi melahirkan tenaga kerja yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan pasaran pada masa depan. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, untuk tujuan itu, kedua-dua kementerian akan melihat segenap aspek bermula dari prasekolah sehinggalah ke peringkat universiti. "Modal insan yang hendak kita jana ini bukan sahaja berdasarkan pengetahuan akademik tetapi apa yang ditekankan sekarang adalah kreativiti dan inovasi. "Kementerian Pengajian Tinggi sendiri telah menyediakan pelan tersebut dan kita bersetuju kedua-dua kementerian ini bekerjasama melihat semua aspek dari peringkat prasekolah hingga ke universiti mengenai bidang yang hendak diisi dalam soal kreativiti dan inovasi," katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan di bangunan Parlimen di sini hari ini. Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, mesyuarat hari ini turut bersetuju menyelaraskan penyediaan latihan teknikal dan vokasional yang sekarang ini turut disediakan sektor swasta selain agensi kerajaan. Menurut beliau, langkah ini bagi memastikan keperluan tenaga kerja terlatih dalam bidang berkenaan dapat dipenuhi. "Kita nak lihat secara keseluruhan bagaimana latihan oleh kedua-dua pihak ini (awam dan swasta) dapat diselaraskan dan akhirnya dapat mengisi keperluan tenaga terlatih di negara kita," ujarnya.

Tambahnya, selain itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan turut bersetuju dengan cadangan penubuhan Lembaga Tenaga Profesional Teknologi Komunikasi dan Maklumat. "Lembaga ini akan diwujudkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana di negara maju, lembaga seumpama itu sudah ditubuhkan. "Tujuannya supaya tenaga profesional ICT dapat duduk bersama untuk lihat perkara-perkara yang berkaitan pembangunan ICT di negara ini," jelasnya.



9 Mac 2011 (Rabu)

### **Pinjaman RM6.8 bilion kepada kakitangan kerajaan**

CYBERJAYA 9 Mac - Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dijangka mengagihkan pinjaman berjumlah RM6.8 bilion kepada kakitangan kerajaan tahun ini. "Ia lebih tinggi berbanding tahun lepas sebanyak RM5.9 bilion, berikutan kenaikan dalam saiz maksimum pinjaman perumahan yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini," kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussein kepada pemberita di sini. Kerajaan telah menyemak semula struktur pinjaman berkuat kuasa 1 Januari 2011 dengan pertambahan 15 peratus dalam jumlah pinjaman maksimum kepada RM450,000 daripada RM360,000. Sejak diperkenalkan, bahagian itu telah mengagihkan lebih RM76.2 bilion pinjaman kepada 975,549 kakitangan kerajaan. - Bernama



9 Mac 2011 (Rabu)

### **MRT: Kerajaan diminta timbang masukkan PJ Selatan**

KUALA LUMPUR 9 Mac — Persatuan Perniagaan dan Industri Petaling Selangor menggesa kerajaan menimbang memasukkan Petaling Jaya Selatan dalam projek transit aliran berkapasiti tinggi (MRT) bernilai **RM43 bilion**. Berdasarkan cadangan asal, penduduk di Petaling Jaya mungkin tidak mendapat manfaat daripada projek MRT memandangkan tidak ada landasan atau stesen MRT dicadangkan di kawasan Petaling Jaya Selatan. "Sebagai contoh, Taman Medan, Taman Maju Jaya dan Taman Seri Manja tertinggal walaupun kawasan itu mempunyai ramai penduduk," kata timbalan presidennya Tee Kee Tian menerusi satu kenyataan hari ini. Tee berkata Petaling Jaya Selatan menyediakan hubungan yang sangat penting antara Subang Jaya dan Sunway menerusi Sungai Way. "Kami berharap kerajaan boleh mengambil kira maklum balas dan cadangan penduduk, dan mengkaji semula jajaran MRT untuk membangunkan beberapa stesen di Petaling Jaya selatan supaya lebih ramai penduduk dapat menikmati kemudahan projek mega itu, katanya. — Bernama.

### PAC siasat urusan pembelian tidak ikut spesifikasi

IPOH 14 Mac - Beberapa pegawai kanan jabatan negeri akan dipanggil memberi penjelasan berhubung keputusan meluluskan pembelian peralatan yang tidak memenuhi spesifikasi sehingga tidak dapat digunakan oleh jabatan berkenaan. Pengurus Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) Perak, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, PAC menerima banyak aduan berhubung perkara tersebut dan ia perlu dihentikan bagi mengelak kerajaan menanggung kerugian. "Aduan yang diterima adalah membabitkan pembelian yang tidak mengikut spesifikasi, harga yang jauh lebih tinggi daripada pasaran dan tidak berkualiti sehingga menyebabkan peningkatan di dalam perbelanjaan kerajaan. "Peralatan ini langsung tidak boleh digunakan walaupun diselenggara semula dan PAC akan memanggil ketua jabatan terbabit bagi membantu siasatan," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, mesyuarat PAC Perak pada 28 Mac ini akan memutuskan tarikh yang sesuai untuk mendengar penjelasan dari ketua jabatan yang akan dipanggil kelak. Tegasnya, PAC Perak akan membuat teguran terhadap kesilapan tersebut dan mahu semua agensi kerajaan membuat pesanan melalui prosedur yang ditetapkan kerana ia melibatkan wang rakyat. "Perkara ini telah lama berlaku dan kita akan menyiasat sejauh mana kesilapan berlaku bagi mendapatkan jumlah sebenar kos yang ditanggung setiap agensi terbabit berhubung perkara ini," katanya. Raja Ahmad Zainuddin berkata, pihaknya juga akan memanggil semula pegawai kanan Bahagian Pinjaman Pelajaran Negeri bagi memberi penjelasan terperinci berhubung kegagalan jabatan itu mengutip semula tunggakan pinjaman berjumlah RM27.6 juta. Jelasnya, PAC tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan pada perjumpaan sebelum ini kerana maklumat yang diberikan pegawai kanan tersebut mengenai hutang pinjaman pelajaran itu tidak begitu tersusun. Berdasarkan laporan dan siasatan jawatankuasa tersebut, jabatan itu dikatakan tidak mempunyai maklumat dan senarai terkini peminjam berkenaan selain gagal mengambil sebarang langkah untuk menuntut semula bayaran tersebut.

### LKTN rampas 9,588.5kg tembakau seludup

KOTA BHARU 14 Mac - Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) merampas sebanyak 149 bandela tembakau diawet seberat 9,588.5 kilogram bernilai RM124,504 dipercayai diseludup dari negara jiran sepanjang tahun lalu. Ketua Pengarahnya, Ahmad Loman berkata, unit penguatkuasaan lembaga tersebut turut menyita sebuah lori yang digunakan untuk aktiviti penyeludupan. Beliau berkata, kesemua tembakau itu dilelong kepada pengilang rokok yang berdaftar dengan LKTN. Katanya, hasil siasatan mendapati kesemua tembakau itu disyaki diseludup dari negara jiran melalui jalan darat dan dicampur dengan tembakau tempatan untuk dijual bagi mengaut keuntungan lebih tinggi. "Harga tembakau tersebut cuma RM10 sekilogram di negara jiran berbanding RM15 untuk pasaran tempatan dan ia amat mudah diperoleh dari negara jiran. "Berdasarkan Seksyen 49 Akta LKTN 2009, pengawet berlesen di bawah LKTN tidak dibenarkan membeli tembakau diawet daripada pengawet tidak berlesen. "Jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Menurutnya, pada tahun ini, unit penguatkuasaan LKTN meningkatkan rondaan dan pemeriksaan ke stesen pengawet serta menjalin hubungan lebih erat dengan penduduk setempat bagi mencegah penyeludupan. "Ini merupakan salah satu cara untuk membanteras kemasukan daun tembakau dari negara jiran. "Selaras dengan penguatkuasaan Akta LKTN 2009 (Akta 692), kita bukan sahaja mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap tembakau tetapi juga meliputi keluaran tembakau (rokok). "Kita akan mengambil tindakan ke atas mana-mana kedai atau pengedar rokok tidak sah dalam pasaran," katanya.

Ahmad berkata, pihaknya juga akan meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan seperti Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), kastam dan polis untuk mencegah aktiviti penyeludupan daun tembakau dari negara jiran. "Pada tahun ini, LKTN bertekad untuk mengurangkan serta membanteras penyeludupan tembakau dan rokok tidak sah di pasaran yang menyebabkan negara kehilangan hasil sebanyak RM2 bilion. "LKTN memainkan peranan dan bertindak balas sebagai sebuah agensi kawal selia ke atas tembakau dan produk tembakau (rokok) setanding dengan agensi penguatkuasa yang lain," katanya.



14 Mac 2011 (Isnin)

### Tanah terbiar 40.8 hektar dipulihkan

Oleh SAJIDA ASARULAH KHAN [utusanN9@utusan.com.my](mailto:utusanN9@utusan.com.my)



**MOHAMAD Hasan menanam pokok ketika merasmikan Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kampung Jawa, Jempol, Negeri Sembilan, semalam**

JEMPOL 14 Mac – Seluas 40.8 hektar tanah di Kampung Jawa, dekat sini yang terbiar sejak 40 tahun lalu sedang dipulihkan untuk mengeluarkan hasil pertanian. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kawasan itu sedang diusahakan dengan tanaman kelapa pandan, nangka, pisang, tebu dan buah jambu yang tidak berbiji dengan bantuan dan kerjasama daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian. Beliau berkata, ia adalah projek pertama pemulihan tanah terbiar di negeri ini pada tahun ini yang akan disusuli dengan projek ladang rakyat dan sebanyak RM3.2 juta akan dibelanjakan untuk tujuan itu.

"Kawasan tanah terbiar lebih 40 tahun ini tidak dapat diusahakan sebelum ini kerana terlampau ramai pemiliknya yang tidak dapat mencapai kata sepakat untuk memajukannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Projek Pembangunan Tanah Terbiar Kampung Jawa, di sini hari ini. Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohamad Hashim Abdullah. Kejayaan membangunkan tanah terbiar itu, kata Mohamad, sebahagiannya adalah hasil daripada seminar dan simposium dianjurkan oleh Jabatan Pertanian semasa sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan negeri tahun lalu yang turut disertai pemimpin masyarakat seperti ketua kampung dan datuk lembaga adat. Jelasnya, pada sesi itu, mereka telah didedahkan dengan selok-belok Kanun Tanah Negara dan bagaimana untuk mengusahakan tanah terbiar yang banyak terdapat di negeri ini. "Mereka sudah tahu macam mana menyediakan tanah untuk diusahakan sama ada secara sendiri atau oleh pengusaha lain," katanya.

Beliau menarik perhatian, sebanyak 76.8 hektar tanah terbiar di negeri itu telah dapat dipulihkan sejak awal tahun ini. Tambahnya, tanah terbiar terbahagi kepada dua kategori iaitu ladang dan sawah. "Masalah ladang terbiar telah dapat diselesaikan dengan tanaman berkelompok kelapa sawit atau getah hasil bantuan agensi seperti Felda dan Felcra tetapi sawah masih perlu diberi perhatian. "Masalahnya di negeri ini, tanah terbiar dimiliki oleh banyak tuan punya yang kebanyakannya enggan berunding jika ada usaha memulihkannya dan bukannya disebabkan agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian yang tidak mengambil daya usaha ke arah itu. "Pelbagai cara dan usaha untuk memujuk dan memberikan penerangan kepada ketua kampung dan datuk lembaga adat telah dilakukan bagi mencari jalan agar tanah terbiar di tempat mereka dapat dipulihkan," ujarnya. Pada majlis itu, Menteri Besar turut menyampaikan anak pokok buah-buahan kepada wakil rakyat di kawasan Parlimen Jempol, bantuan kewangan dan alat sokongan hidup daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Jempol dan bantuan usahawan Mara kepada ibu tunggal di kampung tersebut



17 Mac 2011 (Khamis)

### Projek tenaga di Pajam bukti kerajaan komited laksana ETP



Najib Tun Razak melancarkan Taman Tenaga Diperbaharui Bersepadu (Integrated Renewable Energy Park) di Tapak Pelupusan Sampah Pajam, Nilai, semalam sambil ditemani (dari kiri) Razali Ismail, Peter Chin Fah Kui dan Mohamad Hasan.

SEREMBAN 17 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diumumkan pada 8 Mac lalu, kini terbukti

pelaksanaannya melalui projek tenaga bersih di Pajam, Nilai, dekat sini. Menurut Perdana Menteri, projek tenaga diperbaharui yang digerakkan Cypark Resources Bhd. di tapak pelupusan sampah seluas 26 hektar di Pajam itu juga menunjukkan kerajaan begitu komited menjayakan ETP berkenaan demi kesejahteraan rakyat. "Projek yang dilaksanakan ini merupakan salah satu di bawah sembilan pecahan dalam ETP dan apa yang berlaku hari ini amat berbeza sekali berbanding majlis sebelumnya yang mana kebanyakannya adalah majlis pecah tanah, tetapi projek belum dilaksanakan. "Hari ini pelancarannya dibuat selepas operasi dijalankan dan digerakkan secara komersial yang mana mengandungi sebuah taman tenaga diperbaharui bersepadu," katanya ketika berucap melancarkan Taman Tenaga Diperbaharui Bersepadu di Tapak Pelupusan Sampah Pajam, Nilai, dekat sini hari ini.

Hadir sama Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui; Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Pengurus Cypark Resources Berhad, Tan Sri Razali Ismail. Kata Najib, dengan wujudnya kawasan tenaga diperbaharui ini, ia dijangka dapat menjana tenaga bersih yang boleh disalurkan kepada grid Tenaga Nasional Berhad (TNB). "Mungkin bidang ini tidak begitu glamor tetapi sisa pepejal ini perlu diuruskan dengan baik agar tidak memudaratkan kepada manusia, serta merubah persekitaran suhu dan mengurangkan peningkatan kepanasan global," ujar beliau. Najib memberitahu, syarikat ini telah diberi tugas untuk melaksanakan projek tenaga diperbaharui di 16 kawasan tapak pelupusan sampah berdasarkan kajian dan penyelidikan yang dilakukan mereka dalam mewujudkan kemudahan tenaga solar dan loji jana kuasa biogas dan biosel yang boleh menjana 10 megawatt (mW) kepada 3,500 kawasan perumahan.

"Dari segi nilai pelaburan, syarikat ini telah melabur sebanyak RM100 juta di Pajam yang bakal menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 100 orang untuk peringkat pembangunan dan 20 lagi untuk operasi, yang mana tenaga kerja ini berkemahiran tinggi," tegas Najib. Najib juga berbangga projek ini menepati kriteria yang telah ditentukan yang mana negara kini ke arah mengutamakan dasar hijau, serta meningkatkan taraf ekonomi berpendapatan tinggi. Kata beliau lagi, projek ini mampu menghasilkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) melebihi RM12 juta setahun sehingga mencapai RM260 juta bagi tempoh 21 tahun akan datang. Projek perintis yang digerakkan Cypark Resources Berhad ini juga merupakan penyumbang utama bagi mencapai matlamat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020. Tambah Najib, baru-baru ini Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mengumumkan pindaan Rang Undang-Undang terhadap Akta Tenaga Diperbaharui dan Feed-in-Tariff, yang mana kerajaan amat serius untuk menjana lebih banyak tenaga teknologi bersih bagi keperluan negara.



17 Mac 2011 (Khamis)

### Sistem Pengawalkuasaan, Pendaftaran Warga Asing beroperasi 1 Jun

KUALA LUMPUR 17 Mac - Sistem Pengawalkuasaan dan Pendaftaran Warga Asing (NERS) yang bertujuan memantau kemasukan setiap warga asing akan mula beroperasi di semua 96 pintu masuk utama negara, mulai 1 Jun ini. Melalui sistem tersebut, pihak berkuasa mampu menangani pelbagai isu membabitkan warga asing termasuk pemalsuan dokumen, tinggal lebih masa, salah guna visa serta pemerdagangan manusia. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, NERS adalah sebahagian inisiatif holistik kerajaan untuk memantau keseluruhan warga asing di negara ini termasuk pekerja, pelancong, pedagang dan pelajar serta pendatang tanpa izin. Pada masa yang sama, beliau berkata, sistem NERS dan Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) akan diperkuuh dengan pembangunan Sistem Advanced Passenger Screening (APSS) yang sedang dalam peringkat perincian spesifikasi. "Sistem ini (NERS) hanya mengambil masa 20 saat untuk mendaftar dan merekodkan maklumat warga asing yang memasuki negara ini. Melaluinya kita akan mengetahui di mana warga asing berada jika mereka tinggal lebih masa," katanya.

Terdahulu, beliau mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin di Bangunan Parlimen, di sini hari ini. Katanya, maklumat serta cap jari yang diambil semasa proses pendaftaran membolehkan pihak berkuasa mengenal pasti dan mengesan warga asing sekiranya mereka melanggar undang-undang negara. Beliau berkata, sistem sedemikian sudah diguna pakai di Singapura, Australia serta Hong Kong dan ia terbukti berkesan. Menyentuh mengenai mesyuarat berhubung Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan pada dasarnya bersetuju kadar levi bergantung kepada jumlah pekerja yang diambil dan tempoh perkhidmatan mereka. "Ini bermakna jika seorang majikan menggajikan jumlah pekerja asing lebih ramai dan untuk tempoh masa yang lebih lama, kadar levi yang perlu dibayar akan semakin meningkat," katanya. Menurutnya, perkara itu akan dibentangkan ke mesyuarat Kabinet pada Mei dan jika dipersetujui akan dilaksanakan mulai 1 Jun.

### **Ekonomi - Pasaran modal cecah RM2 trilion**

KUALA LUMPUR 17 Mac – Pasaran modal negara telah mencecah RM2 trilion pada akhir tahun 2010, meningkat 11 peratus daripada RM717 bilion pada 2000. Pengurus Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Zarina Anwar berkata, peningkatan itu berikutan peluasan pantas industri dan perundangan kukuh, menyuntik keyakinan pelabur asing terhadap pasaran modal negara. Modal pasaran ekuiti juga bertambah sebanyak 27 peratus kepada RM1.2 trilion pada 2010 berbanding RM979 bilion pada 2009, dipacu oleh pemulihan sentimen daripada pelancaran program-program baru ekonomi, kata beliau dalam Laporan Tahunan SC 2010 di sini.

Prestasi konsisten FBM KLCI turut melepassi pasaran indeks negara-negara baru muncul dan membangun dengan merekodkan paras tertinggi 1,528.01 mata pada 10 November tahun lalu. Bursa tempatan melonjak sebanyak 19 peratus pada 2010 berbanding MCSI Emerging Market Index sebanyak 16 peratus dan MSCI World Index 10 peratus. Pasaran Tawaran Awam Permulaan (IPO) menyaksikan sebanyak 29 penyenaraian baru pada 2010, satu peningkatan yang berganda berbanding 14 penyenaraian pada tahun sebelumnya. Penyenaraian pada 2010 telah meraih dana sebanyak RM19.79 bilion dengan Petronas Chemicals Group mencatatkan IPO terbesar di Malaysia dan Asia Tenggara apabila meraih RM12.8 bilion. Pasaran bon juga menyaksikan pertumbuhan stabil dengan sekuriti hutang meningkat sebanyak 16.2 peratus berbanding RM653.2 bilion pada 2009 kepada RM758.7 bilion pada 2010. Pada sepanjang 2010, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah meluluskan terbitan sekuriti hutang swasta sebanyak RM63.6 bilion berbanding 34 dengan nilai RM57.5 bilion pada tahun sebelumnya.

### **Jepun serah kelengkapan marin RM10.37j kepada PDRM**

PELABUHAN KLANG 17 Mac – Kerajaan Jepun hari ini menyerahkan peralatan kelengkapan marin bernilai RM10.37 juta kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha menambah baik keselamatan di Perairan Selat Melaka yang menjadi laluan utama kapal ke pelbagai destinasi perdagangan. Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, kelengkapan yang diserahkan ialah empat unit bot laju, 60 unit radio mudah alih digital, 40 unit teropong inframerah dan 40 unit teropong jarak jauh bagi kegunaan pasukan Polis Marin PDRM.

Beliau berkata, penyerahan peralatan itu adalah di bawah Geran Bantuan Penambah Baik Keselamatan Maritim Malaysia oleh kerajaan Jepun yang disampaikan oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia, Masahiko Horie. "Selat Melaka merupakan laluan terpenting perairan negara yang dilalui lebih 200 kapal sehari di mana melalui bantuan dari kerajaan Jepun ini akan meningkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan perairan terbabit," katanya dalam sidang media selepas majlis penerimaan Geran Bantuan Penambah Baik Keselamatan Maritim Malaysia dari kerajaan Jepun di sini hari ini. Ismail berkata selain itu, PDRM melalui pasukan Polis Marin akan mengadakan latihan secara bersama dengan polis Jepun dalam tindakan pengawasan perairan di kedua-dua buah negara. – Bernama.

**Rencana - Belajar mengurus bencana****Oleh AZIZ JAMALUDIN MHD TAHIR**

**KEMUSNAHAN** akibat gempa bumi dan tsunami di Jepun memberi pengajaran kepada manusia terhadap kehebatan kuasa alam. – Gambar hiasan.

Gempa bumi berukuran 8.9 skala Richter yang diikuti tsunami setinggi 10 meter di Jepun, seminggu lalu berjaya mengalihkan persepsi masyarakat antarabangsa yang sejak awal tahun ini tertumpu kepada bencana protes yang berlaku di Asia Barat. Berita mengenai Asia

Barat sudah menjadi berita kecil, kerana ketakutan masyarakat antarabangsa menjadi semakin mendalam setelah berlakunya beberapa letupan loji nuklear di Fukushima akibat tsunami. Banyak juga laporan spekulasi mengenai kadar radiasi yang dianggap bakal mengancam manusia seluruh dunia apabila angin yang bertiup boleh membawa sisa-sisa radioaktif dan rakyat Malaysia dikatakan tidak terkecuali bakal menerima kesan negatif. Rakyat Malaysia ada juga yang panik apabila menerima pesanan ringkas (SMS) meminta agar tidak keluar rumah, mengelakkan terkena hujan dan menutup semua tingkap kerana angin yang membawa radiasi radioaktif akan sampai juga. Buat masa ini, tahap keselamatan udara Malaysia belum terjejas, kerana kesan pembebasan gas hidrogen dari letupan reaktor nuklear itu belum sampai, malah agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan kenyataan tahap kebocoran itu masih pada tahap yang selamat.

Pengajaran yang kita peroleh daripada bencana tersebut adalah bagaimana kita boleh menguruskan kepanikan masyarakat tentang musibah yang berlaku. Kita mungkin dapat memahami jika perkara ini berlaku di Malaysia, suasana panik dan takut akan menyebabkan ramai pihak menyalahkan kerajaan, sebagaimana berlaku peringkat awal menyelamatkan pelajar dan rakyat Malaysia yang terperangkap dengan protes rakyat Mesir ke atas pentadbiran Presiden Hosni Mubarak pada Februari lalu. Bagi pihak kerajaan, segala upaya telah dilaksanakan termasuk mengenal pasti rakyat Malaysia di Jepun yang terbabit. Upaya pertama ialah mendapatkan pengesahan mengenai keselamatan mereka sama ada menghubungi sendiri mereka yang terbabit ataupun merayu agar rakyat Malaysia menghubungi Kedutaan Malaysia ataupun menyalurkan maklumat melalui agensi berkaitan. Teknologi maklumat banyak membantu, termasuk pengesahan ke atas lebih 400 rakyat Malaysia yang masih trauma dengan gempa bumi dan tsunami di Miyagi. Apa yang menyedihkan ialah sekilat itu jugalah ada pihak terus memberikan sorotan mengenai kebocoran loji nuklear Chernobyl, Ukraine pada 1986, walaupun kesan buruk kepada rakyat Malaysia tidak berlaku. Bagi menguruskan bencana, kita mungkin boleh menyingskap sejarah bagaimana Nabi Yusuf a.s. memberi tafsiran terhadap dua mimpi Raja Firaun dalam sejarah Mesir kuno. Ini difirman oleh Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 43 yang bermaksud: “Dan (pada suatu hari), raja Mesir berkata: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat: tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum (yang hadir), terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang-orang yang pandai menafsirkan mimpi.”

Nabi Yusuf a.s. telah memberikan gambaran bahawa tujuh ekor lembu dan tujuh biji gandum yang baik melambangkan kemakmuran selama tujuh tahun, manakala tujuh ekor lembu yang kurus dan tujuh biji gandum yang busuk ialah tujuh tahun berada dalam kesukaran. Bagi menjamin kesejahteraan kehidupan, Nabi Yusuf a.s. mencadangkan agar seorang yang bijaksana dan berperibadi mulia dipilih bagi mentadbir Mesir agar dapat membuat simpanan ketika tujuh tahun dalam kemakmuran bagi kegunaan tujuh tahun yang sukar. Atas nasihat tersebut, akhirnya Nabi Yusuf a.s. telah dipilih oleh Raja Firaun mentadbir Mesir. Kemakmuran dan kesedihan merupakan putaran yang perlu dihadapi oleh semua manusia. Kemakmuran menyebabkan manusia lupa mengenai persiapan untuk menghadapi saat-saat yang sukar. Oleh sebab kedudukan Malaysia yang tidak terletak dalam ‘Lingkaran api’, maka tidak ramai rakyat negara ini mengambil iktibar daripada peristiwa dan bencana yang berlaku di seluruh dunia. Mungkin rakyat negara ini sudah lupa mengenai bah air merah yang berlaku di Kelantan suatu ketika dahulu, banjir besar pada 1971, tragedi Pos Dipang (1996), runtuhan Highland Tower (1993), taufan Greg (1996), tanah runtuh di Gombak (2004), banjir besar di Segamat, Kota Tinggi dan Batu Pahat (2007), tsunami di Kuala Kedah dan Batu Feringghi (2004), malah kemalangan maut melibatkan bas ekspres dan sebagainya.

Secara umumnya, bencana boleh dikategorikan kepada dua, iaitu bencana alam dan bencana atas kelalaian manusia. Meskipun bencana alam dilihat sebagai mala petaka semula jadi, namun ia mempunyai kaitan rapat dengan aktiviti manusia yang menganggu kelestarian alam dan sistem ekologi. Tragedi Pos Dipang pada 1996 membuktikan bagaimana pembalakan di hulu sungai menyebabkan perkampungan Orang Asli di Simpang Pulai, Perak musnah sama sekali. Tsunami pada 2004 membuktikan bahawa ketiadaan pokok bakau dan pokok api-api sebagai penahan pantai telah memusnahkan perkampungan nelayan di Kuala Kedah dan Batu Feringghi. Atas alasan mengeksplorasi keindahan semula jadi sebagai kawasan pelancongan, pantai Miami dan persekitaran Tanjung Bungah teruk dilandai badai ganas. Tragedi-tragedi ini walaupun berlaku secara semula jadi, ia ada kaitan rapat dengan tingkah laku manusia di bumi sebagaimana diingatkan oleh Allah SWT dalam surah ar-Ruum, ayat 41. Umat manusia sentiasa diingatkan supaya tidak mengundang bahaya, iaitu ‘mencampakkan dirimu ke dalam kebinasaan’ (al-Baqarah, 195), seperti mengganggu dan memusnahkan ekologi, tamak dan mengkhianati sesama manusia. Setiap tindakan yang bakal diambil perlu memberikan perhitungan mendalam mengenai keseimbangan ekologi kehidupan, termasuk kesejahteraan orang lain. Ini bermakna, kaitan antara manusia dan alam sekitar begitu akrab sekali, seakrab hubungan sesama manusia. Benar segala apa yang ada di atas bumi dan di dalam bumi adalah untuk kegunaan manusia, tetapi penggunaannya hendaklah tidak melampaui. Ingatan agar tidak melampaui batas itu adalah sebagai early warning system (EWS) yang seharusnya dikembangkan dalam memupuk kesedaran mengurus bencana.

Kalau di Jepun, mereka menggunakan teknologi moden seperti menyalurkan secepat mungkin berita amaran tsunami dan gempa bumi melalui radio, meletakkan alat pengesan mala petaka, membuat pemantauan mengenai sebarang bentuk perubahan cuaca dan angin, membina rumah dan bangunan tahan gegaran telah banyak menyelamatkan nyawa manusia. Namun tsunami kali ini nampaknya telah menyebabkan peralatan canggih telah tewas, langkah-langkah keselamatan reaktor nuklear tidak dapat dipertahankan, maka di sinilah kita harus akur bahawa keupayaan manusia tetap terbatas, masih belum mampu menghadapi dugaan alam dan kuasa Allah SWT. Tetapi, ini bukan bermakna Allah SWT mengharapkan manusia menjadi golongan yang tidak berfikir dan tidak perlu membuat persediaan. Allah SWT mengingatkan manusia ‘bersedia lah dan berjaga-jagalah’ (an-Nisa, 71). Allah SWT mengingatkan agar manusia menjaga tingkah laku, tidak bersifat tamak dan lebih berhemah apabila berinteraksi dengan alam sekitar. Allah SWT mengingatkan manusia agar menghormati kelestarian alam, kerana alam itulah yang membekalkan kepada manusia udara untuk bernafas, menyuburkan tanaman dan memberikan zat kepada kehidupan.

Jika manusia mengganggu alam sekitar secara tidak berhemah, menebang pokok sesuka hati dan membuang sisa buangan (kimia, sampah dan benda-benda buruk), putaran ekosistem akan kembali menyebabkan nafas manusia sesak. Inilah putaran yang seharusnya difahami oleh manusia, kerana itulah Allah SWT sering memberikan ingatan, bersederhanalah dalam memenuhi keperluan, jangan melampaui batas. Bagi membolehkan alam sekitar sentiasa terjaga, manusia perlu memperkuatkan azam dan tindakan tidak mencerobohnya. Jika ingin dibangunkan kawasan penempatan, manusia perlu memahami hukum alam termasuk sistem aliran air bawah tanah, jenis-jenis tanah, kedudukan arah angin dan sebagainya bagi mengelakkan sebarang mala petaka. Manusia diminta untuk menguruskan kehidupan secara sederhana. Kesederhanaan itulah akan memberikan manusia kesejahteraan. Seperti juga amaran memandu laju, cenderung kepada kemalangan, maka mempunyai nilai kehidupan yang tamak dan bongkak juga akan berakhir dengan kemasuhan dan malapetaka.

Tragedi tsunami dan gempa bumi di Jepun memberikan banyak pengajaran, sekurang-kurangnya banyak negara Asia yang sedang bangkit mengukuhkan kedudukan ekonomi memikirkan semula keperluan kepada pembangunan reaktor nuklear. Meskipun Allah SWT turut mengingatkan bahawa “Katakanlah: Siapakah yang dapat melindungi kamu dari kemurkaan Allah jika Dia mahu menimpa bala bencana kepada kamu atau (siapakah yang dapat menahan kemurahan Allah) jika Dia hendak memberikan rahmat kepada kamu? Dan (ingatkanlah) mereka (yang munafik) itu: Bahawa mereka tidak akan beroleh sesiapa pun yang lain dari Allah yang akan menjadi pelindung atau penolong mereka.” (al-Ahzaab, 17). Ia tidak bermakna manusia tidak perlu berikhtiar, yang lebih penting ialah bagaimana menguruskan trauma mangsa yang dilanda bencana. Manusia seharusnya semakin matang menguruskan kehidupannya sendiri, tetapi kadang kala manusia lupa apabila dilingkari kemakmuran sentiasa melupakan pusingan duka yang juga sebahagian daripada sejarah kehidupan. Inilah yang perlu ditanam dalam jiwa setiap insan, hidup ini bukan sahaja hanya untuk menguruskan kejayaan, perlu ada pengetahuan bagaimana menguruskan kekecewaan, kesedihan dan trauma akibat tertimpa malapetaka, bencana dan kemasuhan.

**DATUK AZIZ JAMA LUDIN MHD TAHIR, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim)**



21 Mac 2011 (Isnin)

#### **Forum - Siasat penyelewengan di Yayasan Selangor**

APABILA membaca berita Yayasan Selangor mengalami defisit RM7.41 juta dalam tempoh tidak sampai setahun jagung pemerintahan Kerajaan PKR Selangor, saya langsung tidak terkejut. Mengapa saya kata begitu, ini kerana semasa bertugas di Yayasan Selangor, perbelanjaan yang diluluskan memang tidak masuk akal. Mentang-mentanglah masa itu wang dalam simpanan ada lebih kurang RM70 juta tunai, maka mereka joli sakan! Saya pun tidak memahami tindakan Menteri Besar Selangor. Sepatutnya dua orang dipecat iaitu Pengurus Besar, Ilham Marzuki dan timbalannya, Mohd. Saifulruddin Sulaiman kerana inilah cadangan daripada Bahagian Audit Dalaman SUK. Kenapa seorang saja yang kena? Sedangkan semua pembayaran dan perbelanjaan dibuat setelah mendapat kelulusan Pengurus Besar yang tidak berapa cerdik ini. Kenapa pula SPRM tidak melihat semua ini? Ilham Marzuki mesti disiasat sama kerana penyelewengan yang dilakukan dan bersubahat. Kenapa terdapat 18 kakitangan berhenti dan 50 kakitangan ditukarkan? Kerana mereka inilah yang cuba memberi nasihat kepada beliau tetapi dituduh dengan bermacam tuduhan melampaui serta dimaki hamun.

Siapa yang berani untuk memberi nasihat jika kami diherdik dan dimaki dengan kata-kata yang mana ibu bapa kita pun tidak pernah mengeluarkannya. Oleh itu kepada Ilham, jangan ceritalah pasal tiada kakitangan yang berpengalaman tampil untuk memberi pandangan atau nasihat kepadanya. Sekarang ini pun ada kakitangan baru yang dilantik sebagai pengurus adalah dari bekas seorang jurujual! Boleh ke buat kerja? Kalau beliau mengaku orang baru dan perlukan pandangan daripada orang lama, buatlah baik-baik, bukan maki hamun. Jangan cerita pasal ketirisan zaman BN, tunjukkan bahawa kerajaan pembangkang tidak ada ketirisan. Tetapi apa yang kita dapati, mereka lagi teruk membelasah wang rakyat untuk kepentingan peribadi. Ilham juga amat dangkal kerana meluluskan elaun-elaun yang tidak sepatutnya dibayar kepada lembaga pengarah, tetapi sebaliknya beliau tidak membayar faedah persaraan atau berhenti kepada kakitangan yang berhenti dan bersara walaupun perkara tersebut dengan terang dan jelas termaktub di dalam skim perkhidmatan Yayasan Selangor. Dengan kedangkalan Ilham ini, maka semua bekas kakitangan ini telah memfailkan saman ke atas Yayasan Selangor di mahkamah.

Sebagai bekas warga Yayasan Selangor yang sayangkan Yayasan Selangor, saya berdoa dan memohon agar Ilham meletak jawatan sebagai Pengurus Besar dengan kadar segera. Malu sangat rasanya kepercayaan yang diberikan untuk menerajui sebuah organisasi yang bukanlah besar sangat telah dikhianati. Sesungguhnya Ilham, anda telah gagal. Lebih baik keluar dan insaf serta bertaubat atas segala dosa yang pernah dilakukan sama ada semasa di Yayasan Selangor ataupun semasa 10 tahun lalu. Bagaimanapun, sesiapa yang bakal mengambil alih tempat Pengurus Besar ini (jika dia dipecat atau meletak jawatan) pasti menempuh waktu amat sukar untuk memulihkan sistem kerja di Yayasan Selangor. Apa tidaknya, semua pelantikan dilakukan mengikut suka hati sahaja tanpa melihat kelulusan mahupun kelayakan. Kenaikan pangkat pakai tunjuk sahaja. Gaji ikut suka sahaja. Jadi pandai-pandailah sesiapa yang akan mengantikannya.

BUJANG SENANG, Shah Alam



22 Mac 2011 (Selasa)

#### Bukan senarai e-Kasih juga layak KWAPM

KUALA LUMPUR 22 Mac – Pelajar miskin yang tidak tersenarai dalam data e-Kasih juga akan diberikan bantuan kewangan menerusi tabung Kewangan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Wee Ka Siong berkata, kerajaan memutuskan demikian selepas mengambil kira pandangan pelbagai pihak. Sehubungan itu katanya, kementerian memerlukan bantuan daripada pihak sekolah untuk mengenal pasti pelajar yang benar-benar layak mendapatkan bantuan KWAPM. “Selain menggunakan data e- Kasih, pihak sekolah juga ada satu jawatankuasa KWAPM bagi meneliti sama ada mereka yang akan diberikan itu layak atau tidak. “Bagi mereka yang telah menerima bantuan itu sebelum ini pula, kita boleh berikan bantuan melalui KWAPM mengikut syarat yang ditetapkan seperti tahun lalu,” katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Wilfred Mojilip Bumbung (BN-Tuaran) pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

### LKIM pantau nelayan tidak lagi turun ke laut

MELAKA 22 Mac - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) negeri akan terus membuat pemantauan terhadap nelayan yang tidak turun ke laut tetapi masih menerima bantuan elauan sara hidup RM200 sebulan. Pengaruhnya, Baharin Omar berkata, maklumat sedang dikumpul ke atas 1,174 nelayan bagi memastikan mereka masih layak untuk menerima elauan sara hidup itu. Menurut beliau, LKIM telah mengenal pasti ada segelintir nelayan tidak turun ke laut kerana mereka tidak mengambil minyak subsidi berdasarkan laporan harian yang diterima. "Secara logiknya, apabila nelayan tidak mengambil minyak subsidi dalam tempoh yang lama sudah tentu mereka ini tidak lagi turun ke laut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini. Bagaimanapun katanya, laporan itu tidak boleh diambil kira sebaliknya LKIM perlu bertemu nelayan terbabit bagi mengetahui punca mereka tidak mengambil minyak subsidi. Katanya, adalah tidak wajar tindakan diambil ke atas nelayan tersebut tanpa mengetahui masalah sebenar dihadapi oleh mereka. Sehingga 31 Januari 2011, seramai 1,174 nelayan di negeri ini menerima elauan sara hidup merangkumi 922 pemilik bot serta kapal dan 252 awak-awak dengan jumlah keseluruhan RM2.6 juta. Elauan sara hidup telah mula dilaksanakan pada Jun 2008 bertujuan untuk mengurangkan bebanan nelayan akibat kenaikan harga bahan api, peralatan nelayan dan juga daripada kesan kegawatan ekonomi dunia.

### Parlimen - RM377.8j wang KWSP tidak dituntut

KUALA LUMPUR 23 Mac - Seramai 188,733 pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berumur 75 tahun ke atas masih belum menuntut caruman masing-masing yang sehingga Disember lalu berjumlah RM377.8 juta. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, hampir keseluruhan maklumat tentang pencarum terbabit tidak lengkap memandangkan rekod yang terdahulu tidak mempunyai maklumat negeri. Kata beliau, daripada jumlah keseluruhan pencarum itu, hanya 1,960 boleh dikenal pasti mengikut negeri. "Antaranya Johor 124 kes, Kedah (101), Kelantan (26), Melaka (33), Negeri Sembilan (43), Pahang (76), Perak (141), Pulau Pinang (148), Sabah (236), Sarawak (371), Selangor (340), Terengganu (41) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (280). "Jumlah keseluruhan caruman bagi negeri-negeri yang dikenal pasti itu berjumlah RM19.6 juta manakala selebihnya RM358.2 juta lagi adalah jumlah caruman daripada 186,773 kes yang tiada maklumat negeri," katanya pada sidang Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan **Datuk Dr. Marcus Mojigoh (BN-Putatan)** mengenai jumlah caruman KWSP yang tidak dituntut mengikut pecahan negeri dan tempoh yang diberikan sebelum dana tersebut dilupuskan. Awang Adek berkata, caruman yang tidak dituntut itu akan disimpan di dalam akaun KWSP sehingga ahli berumur 80 tahun. Jelasnya, selepas pencarum mencapai umur 80 tahun, caruman tersebut akan dipindahkan ke bahagian pendaftar wang tidak dituntut iaitu selaras dengan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. "Bagaimanapun, sekiranya pencarum atau waris ingin membuat tuntutan caruman selepas caruman itu dipindahkan, KWSP akan membantu dengan mengeluarkan dokumen dan maklumat sebagaimana prosedur yang ditetapkan," katanya. Menurut beliau, berdasarkan Akta Wang Tak Dituntut 1965, wang yang tidak dituntut akan dipindahkan daripada Akaun Amanah Disatukan kepada Akaun Hasil Disatukan selepas 15 tahun daripada tarikh penerimaan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut.

**Rencana - Alam sekitar hanya pinjaman****Oleh SITI AINIZA KAMSA RI**

**Mahadi Mohamad menikmati keindahan sungai yang mengalir di tengah-tengah bandar seoul, yang asalnya sangat kotor dan berlumpur tetapi berjaya dipulihkan secara bersama seluruh rakyat korea Selatan.**

TOKOH alam sekitar terkemuka negara yang juga Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Datuk Dr. Zaini Ujang berkata, *environmentalisme* atau alam sekitar menurut Islam adalah berasaskan kepada ajaran tauhid atau kefahaman kesatuan yang menggabungkan manusia, alam dan tuhan. Menurutnya, agama Islam menjadikan akhlak sebagai teras hubungan antara manusia, alam dan tuhan. Menurut sebuah hadis Rasulullah, misi kerasulannya adalah menyempurnakan akhlak yang mulia. "Berasaskan dasar itu, sebenarnya sebarang masalah atau pencemaran alam sekitar berpunca daripada kesempurnaan akhlak manusia terhadap dirinya, alam dan tuhan. "Konsep manusia sebagai khalifah menunjukkan bahawa alam sekitar ini merupakan hak Allah dan ciptaan-Nya maka manusialah perlu melaksanakan misi dan amanah itu. Di samping itu, alam ini merupakan tanda yang tersirat atau simbol tentang kebesaran dan kekuasaan Allah," katanya.

Ini adalah petikan dalam kertas kerja oleh Mohamad Syafiqe Abdul Rahim dari Jabatan Syariah & Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2008). Ia bagi menjelaskan betapa erat dan rapatnya hubungan manusia dengan alam sekitar. Malah menurut Mohd. Syafiqe, ada ulama yang mengatakan bahawa jasad manusia dijadikan daripada unsur yang telah bercampur melalui bahan makanan yang didapati daripada tumbuh-tumbuhan (Muhammad al-Mubarak, 1973). "Dengan ini jelaslah kepada kita betapa jelas dan kompleksnya kejadian manusia dihubungkan terus dengan unsur-unsur bumi," katanya. Namun fenomena ombak besar tsunami di Jepun, gempa bumi di New Zealand, kebakaran hutan di Australia, banjir dan hujan lebat di Arab Saudi dan berlakunya pelbagai lagi musibah alam sejak kebelakangan ini menimbulkan pelbagai petanda dan petunjuk. Adakah kita benar-benar menuju ke akhir zaman yang Allah rahiakan masa kejadiannya? Apa yang jelas, alam ini mampu berakhir hanya dengan dengan kerosakan yang diciptakan oleh manusia selaku penghuni alam ini sendiri.

**Masih rendah**

Kerosakan tersebut apabila bumi disifatkan sedang mengalami proses tua angkara radang kepanasan disebabkan kesan pemanasan global. Juga kesan rumah hijau (*green house effect*) yang berpunca daripada pelbagai kesan pencemaran alam sekitar yang berlaku di seluruh pelosok bumi. "Bumi telah lama dirosakkan oleh kemajuan industri dan teknologi yang sangat pesat sehingga ibu bumi tidak lagi mampu menampung kesan dari harga kemodenan ini," kata Presiden *Malaysia Go-Green Inisiatif*, Mahadi Mohamad. Malaysia Go-Green Inisiatif adalah platform sukarela yang ditubuhkan oleh beberapa syarikat bioteknologi Malaysia, syarikat multinasional, beberapa universiti tempatan, sejumlah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan yang terdiri daripada penggiat kepada kempen Go-Green dan penjagaan alam sekitar. Ia mendapat kerjasama beberapa kementerian dan jabatan kerajaan khasnya Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air baru-baru ini. Menurut Mahadi, dengan 60 peratus penduduk Malaysia beragama Islam, umumnya mempunyai kesedaran penjagaan alam sekitar yang masih rendah berbanding inisiatif oleh masyarakat antarabangsa. "Tidak dinafikan adanya kempen di sana sini namun ia masih lagi bersifat sukarela dan tiada koordinasi di peringkat nasional. "Usaha mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan kempen menjaga alam sekitar dan bumi masih belum diselaraskan secara strategik di Malaysia dan masih bersifat program dan acara," katanya.

Ini memberi idea kepada beliau untuk menyatukan semua kempen Go-Green dalam pelbagai aplikasi khasnya di kalangan masyarakat dan semua yang terlibat. Bukan hanya menumpukan kepada sektor teknologi hijau tetapi lebih kepada membina minda sedar dan prihatin terhadap visi dan misi *Go-Green* itu sendiri. Tidak dinafikan pihak Barat atau lebih tepat lagi yang bukan Islam adalah juara dalam memperjuangkan isu-isu alam sekitar. Mengikut sejarah, pengurusan alam sekitar di Barat bermula pada akhir kurun ke 19 kesan daripada Revolusi Industri. Perkembangan itu bermula dengan tercetusnya kebimbangan ke atas kesan yang timbul daripada proses pembangunan ke atas alam sekitar. Oleh itu, mereka berusaha melalui pelbagai kaedah bagi mengawal kualiti alam sekitar daripada terjejas. Namun, walau apa pun kaedah atau langkah yang diambil, mereka masih gagal menguruskan alam sekitar dengan berkesan. Apa yang pasti, ini disebabkan gejala "pemencilan pengaruh keagamaan" sebagai salah satu faktor penyumbang kegagalan tersebut. "Atas pengaruh ajaran yang sempurna, umat Islam sepatutnya lebih menuju rai sebagaimana di zaman tamadun kerajaan Islam seperti Umayyah, Abbasiah, Mughal, Sepanyol sehingga kepada Uthmaniah sebenarnya telah mendahului dalam soal penjagaan alam sekitar," kata Mahadi. Tetapi apabila bercakap dalam abad sekarang, Barat lebih memimpin dalam soal ini. "Sehingga jika kita pergi Masdar City, Abu Dhabi pasti kita akan kagum dengan tahap dan mutu kebersihan bandar moden itu sehingga berjaya digelar sebagai *Green City*. "Tetapi sayangnya pencapaian tahap sebaik itu sebenarnya adalah usaha dari pihak syarikat-syarikat Barat yang menjadikan soal keindahan dan kebersihan antara yang boleh dikomersialkan dan memberikan keuntungan.

"Iaitu pelaburan yang menguntungkan di sebuah negara Arab yang moden dan kaya" kata Mahadi. Begitu juga di kebanyakan negara-negara Arab Islam moden yang lain, soal kebersihan dan lestari alam sekitar mereka adalah hasil dari kepakaran pihak bukan Islam. Namun kata Mahadi, untuk tempoh terdekat ini, tanpa mempunyai banyak pilihan umat Islam turut terpanggil untuk menyambut satu hari yang sangat bermakna dalam soal menyelamatkan bumi ini. Kebetulan esok adalah sambutan Hari *Earth Hour* 2011 Peringkat Malaysia yang dianjurkan oleh pertubuhan alam sekitar Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF). "Satu sambutan yang sangat signifikan untuk kita semua umat Islam turut menyertainya, iaitu dalam usaha kita menangani krisis perubahan cuaca di seluruh dunia. "Ia tidak sekadar satu simbol tetapi ada kesannya yang sangat positif terhadap penggunaan tenaga karbon dan sebagainya yang begitu berlebihan sehingga menjaskan kualiti alam," katanya. Ini apabila kita hanya diminta menutup semua suis lampu dan dibiarkan bergelap selama sejam, iaitu bermula pukul 8.30 malam sehingga 9.30 malam esok.

"Tempoh bergelap ini mampu mengurangkan darjah kepanasan bumi walaupun tidak begitu signifikan kerana apa yang penting ialah mesej yang hendak disampaikan," kata Mahadi. Ia menunjukkan betapa pentingnya kerjasama semua pihak dalam memastikan bumi masih sesuai didiami dan dihuni oleh generasi anak-anak pada masa akan datang. Tidak boleh tidak, hakikat pahitnya kini usaha *Go-Green* di peringkat dunia sekarang ini dimulakan dan diusahakan secara serius oleh kalangan bukan muslim, bukannya ummat Islam itu sendiri yang menjadi khalifah di muka bumi ini. "Segala teknologi hijau dan kempen bertaraf antarabangsa semuanya dimiliki dan dikelolakan oleh barat dan bukannya kita. Sebagai contoh yang mudah ialah apa yang berlaku di Timur Tengah. Negara-negara Arab membelanjakan bilion dolar untuk menggunakan aplikasi teknologi hijau yang semuanya datang dari negara Barat," katanya. Ini mungkin disebabkan sikap dan cara berfikir umat Islam sebahagian besarnya masih melihat isu menjaga alam sekitar dan bumi ini ialah urusan dunia, bukannya berkaitan dengan amanah yang akan dinilai di akhirat nanti. "Dunia Islam lebih sibuk dengan soal perbezaan mazhab, menangani isu pengganas dan ekstremis, peperangan demi minyak, kemiskinan dan sebagainya sehingga tidak terserlah usaha umat untuk menjuarai soal menjaga alam sekitar dan bumi yang tunggal ini," kata Mahadi.



28 Mac 2011 (Isnin)

### **RM5 bilion bangun 15,000 hektar sawah terbiar**

KUALA LUMPUR 28 Mac - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperuntukkan sebanyak RM5 bilion bagi membangunkan kira-kira 15,000 hektar tanah sawah terbiar di negara ini. Menterinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, ia merupakan salah satu langkah yang diambil bagi menambah pengeluaran padi serta menjamin bekalan makanan negara yang mencukupi. "Justeru adalah menjadi harapan kementerian supaya kerajaan negeri untuk mewarta dan mengekalkan kawasan sawah padi supaya ia tidak digunakan untuk tujuan lain," katanya pada sidang akhbar sebelum mesyuarat antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan exco-exco pertanian negeri di sini, hari ini. Noh dalam pada itu memberitahu, hasrat untuk membangunkan semula sawah terbiar akan dibincang dalam mesyuarat membabitkan kementeriannya bersama exco-exco pertanian supaya ia dapat disampaikan kepada kerajaan negeri secara rasmi. Ujar beliau, masalah sawah terbiar dikenal pasti berlaku akibat ketiadaan pengurusan dan kurangnya kemudahan sistem pengaliran air yang baik. "Secara purata, sejumlah RM30,000 diperlukan bagi membangunkan semula sawah terbiar dan ia lagi murah daripada membangunkan kawasan baru," katanya.



29 Mac 2011 (Selasa)

### **Ekonomi - Banyak syarikat abai program tanggungjawab korporat**

KUALA LUMPUR 29 Mac. - Sebilangan besar syarikat Malaysia, khususnya syarikat yang permodalan pasarnya kurang daripada RM1 bilion, tidak melaksanakan program-program Tanggungjawab Korporat (CR) yang tersusun dengan dasar dan sasaran yang jelas. Kebanyakan laporan kelestarian dikemukakan oleh syarikat-syarikat yang permodalan pasarnya melebihi RM1 bilion, kata Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Zarina Anwar, pada Anugerah Tanggungjawab Korporat Malaysia 2010 StarBiz-ICR di sini hari ini. Anugerah Tanggungjawab Korporat Malaysia 2010 StarBiz-ICR terbahagi kepada dua segmen permodalan pasaran (RM1 bilion ke atas dan RM1 bilion ke bawah) dengan empat anugerah dalam setiap segmen pasaran.

Sebanyak dua puluh satu syarikat telah disenarai pendekkan bagi anugerah itu daripada 165 syarikat yang mengemukakan permohonan bagi anugerah tersebut dalam segmen pasaran, tempat kerja, alam sekitar dan komuniti. "Syarikat-syarikat ini memperlihatkan prestasi kukuh dalam keempat-empat kategori CR, dan prestasi cemerlang dalam sekurang-kurangnya satu bidang. Daripada 21 yang disenarai pendekkan, 11 mempunyai permodalan pasaran melebihi RM1 bilion," kata Zarinah. Beliau juga berkata, dalam kategori pasaran, kebanyakan syarikat mempunyai struktur tadbir urus korporat rasmi selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Malaysia. "Kebanyakan syarikat juga mengadakan dasar-dasar etika meskipun tidak banyak bukti yang menunjukkan ada pemantauan dan penguatkuasaan dasar-dasar ini. Syarat-syarat pembekal dalam bentuk spesifikasi alam sekitar nampaknya semakin meningkat," jelas beliau. Dalam kategori pasaran, latihan dan pembangunan terus menjadi bidang tumpuan. "Kebanyakan syarikat mempunyai program-program latihan yang luas bagi pekerja tetapi masih ada ruang bagi penambahbaikan dari segi dasar-dasar asas tempat kerja," katanya, sambil menambah bahawa separuh daripada syarikat-syarikat itu memberi perhatian kepada kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Kategori alam sekitar menunjukkan perbezaan prestasi yang ketara di kalangan syarikat-syarikat dengan 51 peratus yang mempunyai permodalan melebihi RM1 bilion mencatatkan skor melebihi 50 peratus. Dalam kategori komuniti, banyak syarikat melakukan usaha yang ketara untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat, dengan melaksanakan pelbagai projek, termasuk yang memberikan kesan pengganda. – Bernama.



29 Mac 2011 (Selasa)

### KSN saran kementerian mansuh peraturan lapuk

PUTRAJAYA 29 Mac - Setiap kementerian disaran memansuhkan peraturan yang sudah lapuk serta tidak lagi relevan bagi mencapai kedudukan 10 tertinggi dalam senarai negara paling kompetitif di dunia. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hasan berkata, usaha tersebut penting supaya Malaysia tidak hanya mampu bersaing di peringkat rantau tetapi juga di arena antarabangsa. "Apa yang saya cadangkan adalah supaya setiap kementerian dan agensi meneliti balik peraturan yang ada sama ada ia relevan atau tidak dengan kehendak masa kini. "Jika tidak relevan, baik kita hapuskannya bagi memastikan produktiviti negara dapat berkembang dengan baik," katanya. Beliau bercakap kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Cabaran Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (Pemudah) musim pertama di sini, hari ini.

Cabaran Pemudah musim pertama itu bermula 26 November hingga 31 Disember tahun lalu dengan menampilkan 1,105 penyertaan daripada jabatan dan agensi kerajaan. Mohd. Sidek memberitahu, menerusi cabaran itu sebanyak 67 idea bernaik dikenal pasti untuk menggantikan peraturan sedia ada yang sudah lapuk. Beliau menambah, kira-kira 21 idea tersebut sudah dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan yang terbabit. "Kita akan pastikan semua idea baru itu dilaksanakan dan dihayati oleh semua peringkat supaya rakyat jelata dapat merasai kebaikan itu. "Bagi musim kedua Cabaran Pemudah itu, penyertaan akan dibuka kepada semua termasuk orang awam dan tidak lagi terhad kepada penjawat awam," katanya.

### Kos selenggara dua kapal selam negara RM50 j setahun

KUALA LUMPUR 30 Mac – Kos penyelenggaraan dua kapal selam negara, iaitu KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Abdul Razak, yang dikendalikan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia dianggarkan RM50 juta setahun, kata Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad. Katanya, kos itu meliputi perkhidmatan sokongan serta logistik kedua-dua kapal selam jenis Scorpene itu dan tidak melibatkan kos alat ganti. Menjawab soalan Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini, beliau berkata, kontrak penyelenggaraan kedua-dua aset strategik negara itu, telah dianugerahkan dan dilaksanakan oleh syarikat usaha sama tempatan dengan pembuat Scorpene iaitu Boustead DCNS Naval Corporation Sdn Bhd.

Abdul Latiff berkata, kontrak antara kerajaan dan syarikat penyelenggaraan itu meliputi perjanjian selama enam tahun. "Penyelenggaraan (setiap sebuah kapal selam) bernilai RM25 juta setahun itu untuk pastikan kita (negara) sebagai pengguna aset itu boleh menggunakan aset itu pada bila-bila masa. "Kalau ia tidak boleh memenuhi hasrat TLDM, kita boleh denda (syarikat itu) mengikut perjanjian yang dimeterai," katanya. Malaysia menempah dua kapal selam baru jenis Scorpene dengan kos pembelian berjumlah RM3.4 bilion pada 2002 yang dibina secara bersama oleh DCNS dari Perancis dan Navantia, syarikat pembuat kapal selam dari Sepanyol. – Bernama

### RM42 b harta dibeku

PETALING JAYA 30 Mac – Nilai harta pusaka yang dibekukan berikutan kes gagal diselesaikan pewaris kerana tiada wasiat kini dianggar mencecah RM42 bilion. Ketua Pegawai Pemasaran Amanah Raya Bhd. (ARB), Ahmad Saruji berkata, anggaran itu meliputi kira-kira sejuta kes di negara ini. Katanya, kajian ARB pula mendapati hanya dua peratus rakyat Malaysia menulis wasiat yang membolehkan segala maklumat harta didaftarkan, sekali gus memudahkan urusan pembahagian. Beliau berkata, bagi membudayakan penulisan wasiat di kalangan masyarakat, ARB dengan kerjasama syarikat pengurusan harta pusaka Islam, Warisan Mukmin Sdn. Bhd. melancarkan kempen Tahun Menulis Wasiat 2011. "Kami tidak mahu masalah ini bertambah lagi. Kempen ini akan diadakan sepanjang tahun di seluruh negara untuk menyampaikan mesej kepentingan menulis wasiat sekali gus mengelakkan masalah lain yang timbul terutamanya keretakan institusi kekeluargaan," katanya di sini hari ini.

Sempena kempen tersebut, katanya, orang ramai boleh memiliki dokumen wasiat bagi menguruskan harta pusaka bernilai ribuan ringgit dengan hanya melibatkan kos permulaan serendah RM30 sebulan serta bayaran bulanan yang fleksibel. Kempen tersebut yang bermula dari Januari hingga Disember tahun ini adalah untuk memudahkan masyarakat membuat wasiat, sekali gus mengelakkan pembekuan harta dan perbalahan keluarga. Sementara itu Pengurus Warisan Mukmin, Datuk Mohd. Nahwari Hashim berkata, syarikat itu menyasarkan pendaftaran 5,000 wasiat sehingga akhir tahun ini. – BERNAMA.

**Kadar elaun kerja lebih masa pegawai perubatan dikaji**

KUALA LUMPUR 30 Mac – Kementerian Kesihatan akan mengkaji kadar elaun kerja lebih masa yang setimpal terhadap pegawai perubatan atau pakar perubatan dan pegawai perubatan siswazah yang sentiasa berdepan dengan krisis-krisis dalam perubatan. Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, ini berikutan kadar elaun kerja di luar waktu bekerja biasa bagi pegawai perubatan atau pakar perubatan itu telah dipinda dengan beberapa kenaikan kadar baru sejak 1994. Rosnah berkata, kadar elaun kerja itu telah dinaikkan daripada RM60 pada 1994 kepada RM75 pada 2001 dan seterusnya RM150 pada 2005. "Manakala pegawai perubatan siswazah yang hanya bertugas atas panggilan aktif telah dipinda kadar baru dari RM20 pada 1994 kepada RM25 pada 2001 dan RM100 pada 2005," katanya menjawab soalan Dr Lolo Mohamad Gazali (Pas-Titiwangsa) pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini. Rosnah juga berkata, kementerian turut menyediakan Garis Panduan Bertugas Atas Panggilan untuk pegawai perubatan dan pegawai perubatan siswazah di hospital-hospital di bawah kementerian bagi meringankan bebanan tugas yang ditanggung mereka. – Bernama

**ETP: Lagi RM90 bilion bakal disuntik**

Oleh AHMAD FADZIL ZAINOL ARIFFIN [bisnes@utusan.com.my](mailto:bisnes@utusan.com.my)

KUALA LUMPUR 31 Mac - Kerajaan dijangka menyuntik dana tambahan sebanyak RM90 bilion untuk melaksanakan pelbagai projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi negara dikekalkan. Selain itu, pembiayaan projek perlu dipertingkatkan lagi oleh bank supaya lebih banyak aktiviti ekonomi dapat dilaksanakan oleh sektor swasta. Ketua Pegawai Pelaburan Great Eastern Life Assurance (M) Bhd. (Great Eastern), Richard Lin berkata, suntikan itu boleh dijana melalui penerbitan bon oleh kerajaan. "Ia mengatasi suntikan RM60 bilion yang pernah diperkenalkan kerajaan. "Projek yang dipacu ETP sedikit sebanyak menjadi kunci pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini yang dijangka pada kadar lima peratus," katanya semasa menyampaikan prospek pasaran dalam negara tahun 2011 di sini hari ini. Katanya, Kadar Dasar Semalam (OPR) bagi tahun ini dijangka meningkat sehingga 50 mata asas berikutan berlakunya pemulihan dalam ekonomi. Sementara itu, Lin berkata, jumlah nilai aset daripada 21 produk insurans berasaskan pelaburan milik Great Eastern ketika ini adalah sebanyak RM50 bilion. Bagi tahun ini, syarikat itu bercadang memperkenalkan beberapa lagi produk berkaitan pelaburan khususnya kategori pendidikan dan persaraan.

### Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan lulus

KUALA LUMPUR 31 Mac - Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2010) 2011 yang berjumlah RM13,170,997,600 untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan beberapa kementerian dan jabatan. Ia diluluskan selepas 15 kementerian selesai menggulung perkara yang dibangkitkan sepanjang sesi perbahasan dalam peringkat jawatankuasa yang berlangsung selama lima hari. Turut menerima peruntukan di bawah rang undang-undang yang sama juga ialah lapan agensi dan jabatan kerajaan termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara dan Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Rang undang-undang itu diluluskan sebulat suara meskipun terdapat pertikaian dari kalangan ahli Parlimen pembangkang mengenai peruntukan perbelanjaan tambahan yang tidak termasuk dalam kertas rang undang-undang tersebut. Malah, pada hari terakhir perbahasan rang undang-undang itu hari ini juga, kekecohkan turut berlaku apabila ahli Parlimen pembangkang mendesak ditubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyiasat kesahihan video seks yang didakwa membabitkan pemimpin kanan pembangkang. Perkara itu dibangkitkan ketika Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop menggulung perbahasan bagi kementeriannya. Persidangan Dewan Rakyat bersambung semula pada Isnin ini.